

Nasib Mohd Hasif terbela

Dua badan amal sepakat hulur bantuan sehingga dia berjaya lanjut pelajaran ke peringkat universiti

TELOK PANGLIMA GARANG-Badan Kebajikan 1 Ummah Malaysia, (OCC) dengan kerjasama Sweetlife Charity sepakat menjadikan Mohd Hasif Abdul Halim, 9, sebagai anak angkat badan amal berkenaan selepas ibu dan bapa serta tiga kakaknya mati lemas di Air Terjun Belukar Bukit, Hulu Terengganu, Sabtu lalu.

Presiden OCC, Datuk Mohd Zulkarnain Che Seman berkata, bantuan bulanan bakal diberikan kepada Mohd Hasif sebagai sokongan kepadanya untuk meneruskan hidup walaupun setelah menjadi yatim piatu sekelip mata.

Menurutnya, Mohd Hasif bertuah apabila ibu saudaranya yang juga Pegawai Perubatan Pejabat Kesihatan Daerah Kuala Langat, Dr Siti Sabariah Samian berjanji akan terus menjaga Hasif seperti anak kandungnya.

"Saya nampak Mohd Hasif seorang anak yang cekal dan kuat semangat, walaupun telah kehilangan ahli keluarga serentak. Bila kita ajak



Zulkarnain (tiga, kanan), Jeslyn Koh (lima, kanan) ketika mengunjungi Mohd Hasif (baju kuning) di rumah ibu saudaranya di Telok Panglima Garang.

berseimbang, dia mesra kepada sesiapa sahaja yang ditemuinya walaupun masih bersedih," katanya selepas penyerahan bantuan kewangan kepada Mohd Hasif dalam lawatan ke rumah ibu saudaranya di Telok

Panglima Garang, semalam.

Mohd Zulkarnain berkata, Mohd Hasif bakal menerima bantuan wang melalui akaunnya pada setiap bulan sehingga dia melanjutkan pelajaran ke peringkat universiti.

Sementara itu, Penasihat Sweetlife Charity, Jeslyn Koh berkata, dengan kerjasama OCC dia turut menjejaki keluarga berkenaan dan berkunjung ke rumah ibu saudara Hasif untuk menghulurkan sedikit sumbangan.

Katanya, Sweetlife adalah komuniti yang membantu sesama ahli mengumpul dana dan kemudian diagihkan mengikut kadar ditetapkan tanpa had masa.

"Kami sediakan tabung kebajikan untuk bantu mereka yang memerlukan termasuk sumbangan kepada rumah anak yatim, rumah kebajikan dan mereka yang terlibat dalam bencana," katanya.

Dalam kejadian kira-kira jam 11.35 pagi Sabtu lalu, ibu bapa Mohd Hasif, Abdul Halim Samian, 44, dan Nurul Adila@Salawati Awang, 39, mati lemas ketika mandi di kawasan rekreasi itu.

Turut lemas tiga lagi anak pasangan berkenaan, Nurul Arifah, 16, Nurul Aina, 11, dan Nurul Izah, 10.

Dr Siti Sabariah ketika dihubungi memaklumkan, dirinya bersyukur apabila rakyat Malaysia termasuk badan sukarela prihatin turun padang menghulurkan bantuan dan sokongan moral kepada anak saudaranya.

Cadang turap kawasan klinik agar pesakit selesa

SIJANGKANG - Ahli Jawatankuasa Panel Klinik Kesihatan Sijangkang bercadang menurap sebahagian kawasan di Klinik Desa Sijangkang Luar bagi memberi keselesaan kepada pesakit selewat-lewatnya awal tahun hadapan.

Pengerusinya, Abdul Razak Khasbullah berkata, sebelum ini klinik berkenaan menerima pelbagai aduan termasuk keadaan semak dan kawasan sekeliling yang tidak ceria sehingga mengundang masalah kepada penduduk.

"Sehubungan itu, program gotong-royong telah dilaksanakan bersama penduduk dan beberapa komuniti sukarela. Kini, kawasan pun dah bersih dan kita cadang nak turap sebahagi-

an supaya dapat dijadikan parkir," katanya yang juga Pengerusi Panel Kesihatan Daerah Kuala Langat.

Dalam pada itu, beliau memberitahu, Klinik Desa Sijangkang Luar ini adalah sebuah klinik yang boleh menampung kapasiti pesakit mencecah 7,000 pada satu-satu masa pada kadar yang ditetapkan setiap hari sekali gus berpotensi memberikan perkhidmatan terbaik kepada masyarakat.

Selain itu, beliau berharap aktiviti gotong-royong di kawasan klinik sentiasa mendapat perhatian masyarakat.

"Buat masa ini semua aktiviti gotong-royong di kawasan klinik dapat sambutan," katanya.



Sebahagian masyarakat setempat yang hadir menceriakan kawasan sekitar klinik desa.